



NUS unggul ranking universiti Asia 2 tahun berturut-turut

16/3/2017 8:00



SINGAPURA: Universiti Nasional Singapura (NUS) mengekalkan kedudukannya di tangga teratas Ranking Pendidikan Tinggi Universiti Asia Times terbaru yang dikeluarkan pada Khamis (16 Mac).

NUS menduduki tempat pertama dalam senarai tersebut buat kali pertama pada 2016 sejak kategori itu diperkenalkan pada 2013. Bagaimanapun, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), yang tersenarai di tempat kedua bersama dengan Universiti Peking di China pada 2016, jatuh di tempat keempat dalam senarai terbaru itu.

Universiti Peking kekal di tempat kedua dan Universiti Tsinghua tersenarai di tempat ketiga, naik dua tangga dari 2016.

Ranking Universiti Asia menggunakan penunjuk yang serupa seperti ranking dunia, yang turut menilai kelebihan universiti dalam lima bidang - mengajar, menjalankan kajian, kata-kata pujian, pendapatan industri dan ramalan antarabangsa.

Bagaimanapun, ia memberi keutamaan kepada pendapatan industri dan pendapatan kajian, serta daya penghasilan dari segi penerbitan, dan kurang penekanan kepada elemen-elemen reputasi.

Presiden NUS Profesor Tan Chorh Chuan menyifatkan ranking universiti itu sebagai "satu pengiktirafan yang tinggi terhadap pendekatan Asia dan global kami kepada pendidikan dan kajian, serta pentingnya memberikan kesan positif kepada negara dan masyarakat di sekeliling kami."

Editor Ranking Pendidikan Tinggi Times Phil Baty turut berkata bahawa NUS berjaya tersenarai di tempat pertama sekali lagi meskipun terdapat "persaingan sengit" dari "gergasi-gergasi Beijing" di China - Universiti Peking dan Universiti Tsinghua.

- CNA/im